

Belanjawan 2024: Penjawat awam gred 56 ke bawah terima RM2,000

Oleh [Suraya Ali](#) - Oktober 13, 2023 @ 7:46pm
suraya.ali@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju untuk memberi Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

Selain itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, RM1,000 diberikan kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam membabitkan semua termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata serta seluruh anggota beruniform.

"Bayaran Insentif RM1,000 turut dipanjangkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.

"Bayaran ini akan dibuat secara sekali gus pada akhir Februari 2024 bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak-anak serta persiapan menjelang bulan Ramadan dan Syawal," katanya.

Kerajaan ketika ini, beliau berkata, sedang menyemak semula skim gaji dan elaun tetap penjawat awam yang kali terakhir dilaksanakan pada 2012.

Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan meneliti keperluan semua skim perkhidmatan dan dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun hadapan.

"Kerajaan menyarankan majikan swasta turut sama mengkaji kesesuaian saraan serta ganjaran kepada pekerja mengambil kira cabaran kos sara hidup semasa. Tahun hadapan, kerajaan akan mula mempergiat sesi libat urus.

"Saya juga menggesa untuk pihak swasta untuk memberi ganjaran terutamanya syarikat yang mempunyai keuntungan yang munasabah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, kerajaan bersetuju supaya liputan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ditambah baik dan had siling gaji ditingkatkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 selaras pindaan Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi sektor swasta.

"Kenaikan had siling gaji ini membolehkan kadar bayaran faedah di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja meningkat sehingga 50 peratus atau sekitar RM1.6 juta," kata Perdana Menteri.

Langkah itu akan membolehkan penjawat awam atau waris menikmati tuntutan pampasan yang lebih tinggi sekiranya berlaku kemalangan semasa bertugas.

"Kerajaan menyarankan majikan swasta turut sama mengkaji kesesuaian saraan serta ganjaran kepada pekerja mengambil kira cabaran kos sara hidup semasa.

"Tahun hadapan, kerajaan akan mula mempergiat sesi libat urus. Saya menyeru pihak swasta untuk memberi ganjaran, terutamanya syarikat yang mempunyai keuntungan yang munasabah," kata Anwar.

Perdana Menteri juga mengumumkan kerajaan bersetuju memperluas Kemudahan Bantuan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk meliputi pakaian batik Malaysia bagi semua penjawat awam yang layak.

"Ini sebagai langkah menggalakkan penghasilan batik Malaysia yang berkualiti tinggi," katanya.



Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia Madani di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur. - Foto Jabatan Penerangan